

Jangan lupa tiga puluh hari lagi

66

ABDUL
MUEIN ABADI



Sedang kita semua leka dengan percakaran sesama sendiri menjelang pilihan raya umum ke-14, Amerika Syarikat (AS) dan Israel pula giat bersedia untuk merasmikan pembukaan Kedutaan AS di Baitulmaqdis pertengahan Mei ini.

Simbolik pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu negara haram Israel ini dijangka bakal dilakukan serentak dengan sambutan 70 tahun 'kemerdekaan' Israel pada 14 Mei.

Hal ini bermakna kurang 30 hari sahaja dari sekarang pemindahan Kedutaan AS dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis akan berlaku, iaitu kurang seminggu selepas rakyat Malaysia membuang undi pada 9 Mei.

Lebih menyayat hati, tarikh sehari kemudian iaitu 15 Mei dikenang setiap tahun sebagai 'Hari Nakba' iaitu Hari Kehancuran buat Palestin di mana antara 1947-1949

lebih daripada setengah juta warga Palestin dihalau dari tanah tumpah mereka sendiri bagi menubuhkan negara haram Israel.

Buat masa ini, laporan Al-Jazeera mengatakan bahawa Duta AS David Freidman berserta beberapa kakitangannya akan berpindah dari Tel Aviv ke bangunan konsulat di Arnona, Baitulmaqdis sebelum lokasi Kedutaan AS yang tetap di Baitulmaqdis dipersiapkan.

Rakyat Palestin tentulah tidak berdiam diri dan hal ini dibuktikan dengan gugurnya berpuh pejuang mereka yang syahid sejak perisytiharan Trump pada hujung 2017 lagi.

Terkini, protes rakyat Palestin di Gaza telah menyaksikan pembunuhan berterusan dilakukan Zionis termasuklah dengan khidmat penembak tepat (sniper).

Dalam tempoh antara 30 Mac 2018 ke 14 April 2018 sahaja, tidak kurang 34 orang warga Palestin yang syahid dibunuh Zionis. Kebanyakannya terdiri daripada peserta penunjuk perasaan yang dianjurkan Hamas sempena 'Great March of Return' yang mendesak hak pelarian Palestin untuk kem-



Tunjuk perasaan mendesak hak pelarian Palestin sempena 'Great March of Return'. -foto: The Palestinian Information Center

bali ke tanah mereka yang kini dijajah Israel.

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) pula jelas tidak dapat berbuat apa-apa di mana cubaan untuk mengusulkan siasatan bebas pembunuhan Zionis di Gaza telah diveto oleh AS meskipun kesemua 14 negara anggota UNSC yang lain menyokong.

Tragedi sebegini mendesak kita untuk memikirkan kembali tentang suatu hal yang cukup kritikal: Penstrukturan semula Majlis Keselamatan PBB (UNSC).

Sememangnya kuasa Veto di UNSC mencerminkan realiti kuasa ketenteraan global kini yang di-monopoli Amerika Syarikat (AS), Rusia, UK, Perancis, dan China yang dikenali sebagai 'P5'.

Dengan kata lain, meskipun hanya satu sahaja antara kesemua anggota P5 ini menggunakan kuasa veto mereka, maka seluruh usul yang dicadangkan - seperti mana dalam kes siasatan pembunuhan di Gaza kini - terpaksa dibatalkan.

* Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia